

NA
1525.8
S. 45
m35
1984

T
THESIS

Bahagian Perkhidmatan Pembaco & Rujukan
Perpusztakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor.

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

SENIBENA RUMAH PANJANG KAUM IBAN
DI SARAWAK .

OLEH

MALIKE BIN MAHLI
SENIBENA TAHUN AKHIR

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM
SELANGOR

THESIS

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

Bahagian Perkhidmatan Pembeza & Rujukan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor.

Untuk ayah yang berpergian....
Semoga dicucuri Allah atas rohnya
Untuk bonda serta adik-adik...
Yang sentiasa mendoakan
Untuk isteri...
Yang sentiasa memberi galakan

THESIS

Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Rujukan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor.

0.01 PENGHARGAAN

Alhamdulillah - Syukur kepada Illahi yang telah memberi ketenangan dan kesabaran pada hambaNya.

Setinggi penghargaan ingin disampaikan kepada penyelia saya Encik Abdul Ghani Mohd. Desa, Ketua Kursus Senibina, atas tunjuk ajar beliau dalam membantu menyiapkan kertas kajian ini.

Ucapan terima kasih kepada pegawai-pegawai di Museum Negeri Sarawak terutamanya Encik Lucas Chin (Pengarah Museum Negeri Sarawak), Tuai-tuai rumah dan penghuni rumah panjang Benuk, Nyala, Sibat dan Tungku, pegawai-pegawai di Jabatan Arkib Negara dan pegawai-pegawai di Perpustakaan Perbandaran Kuching yang telah turut memberi sumbangan. Begitu juga kepada individu-individu lain yang nama mereka tidak dapat disebutkan satu persatu di sini. Kepada mereka diucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kerjasama sepenuhnya dalam memberi segala butir-butir dan maklumat yang dikehendaki dan memberi perangsang dalam menjayakan kertas kajian ini.

MALIKE BIN MAHLI
KURSUS DIPLOMA SENIBINA TAHUN 4
KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM, SELANGOR.

19hb. Julai, 1984.

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Di tengah-tengah kepesatan pembangunan kota, di tengah-tengah kesibukan manusia mengejar kebendaan dan kemajuan dan di tengah-tengah hutan 'batu' yang tumbuh bak cendawan selepas hujan; kita tidak seharusnya melupakan sama sekali kesenian anak peribumi yang terperosok jauh di pinggir kota.

Sungguhpun sekarang, projek-projek perumahan kian berkembang maju terutamanya di sekitar bandar-bandar besar dengan berbagai-bagai rekabentuk yang menarik, begitu juga dengan gedung-gedung perniagaan yang menjulang tinggi namun senibina tempatan jangan sekali-kali diketepikan.

Oleh itu, seperti sekarang di tengah-tengah manusia sibuk mempersoalkan 'senibina Malaysia' saya ingin membawa saudara pembaca nun jauh ke pinggir rimba, ke Sarawak, negeri yang terkenal dengan 'Land of Head Hunters'- tanah pemburu kepala manusia! Di negeri ini terdapat suatu senibina anak tempatan yang kita panggil RUMAH PANJANG.

RUMAH PANJANG ! sekali kita sebut akan segera terbayang di kepala kita akan bentuknya yang memanjang di bawah satu bumbung beratap nipah. Di dalamnya boleh memuatkan berpuluh-puluh keluarga yang mempunyai beratus-ratus ahli. Mereka sentiasa taat dan patuh di jagaan seorang ketua yang dipanggil sebagai tuai rumah.

Apa yang menarik berkenaan rumah panjang ini ialah sungguhpun ianya begitu ringkas dan 'straight forward' bentuknya, tetapi ianya mengandungi seribu satu rahsia dan pantang larang yang mesti dipatuhi sebelum dan sesudah ianya didirikan.

Oleh itu kajian dan analisa ini kesemuanya mengenai rumah panjang ini sendiri untuk pengetahuan dan pertimbangan kita bersama.